



PARAS air masih tinggi di Kampung Seri Sentosa, Bestari Jaya.



LIPOT menunjukkan paras air pada waktu malam sebelum berpindah ke pusat perpindahan.



SEORANG penduduk menyelamatkan anab peliharaan setelah kawasan rumahnya dinaiki air.

RISAU FENOMENA AIR LAUT PASANG

■ Penduduk berjaga-jaga kemungkinan bah berulang

Oleh Suzaini Sulaiman
hmetroshahalam@hmetro.com.my
Kuala Selangor

Kawasan banjir di daerah ini, diletakkan di dalam keadaan berjaga-jaga berikutan banjir besar boleh berulang semula susulan fenomena air laut pasang esok.

Pengerusi Operasi Banjir Daerah Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor berkata, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) kini giat membersihkan kawasan parit dan aliran air terutama di kawasan yang dilanda banjir.

Menurutnya, langkah itu bagi memastikan sungai bersih dan mengalir dengan baik bagi mengelakkan limpahan air sungai berulang.

"JPS sedang berusaha mengepam keluar air banjir di kawasan ini ke sungai berhampiran dan setakat ini tujuh pam sedang beroperasi dan hari ini (semalam) kita menambah sebuah lagi pam di Kampung Simpang Tiga Jeram," katanya ditemui di sini semalam.

Difahamkan keadaan banjir di sekitar daerah Kuala Selangor semakin pulih apabila hampir separuh daripada 900 mangsa diletakkan di beberapa pusat pemindahan dibenarkan pulang semalam.

Bagaimanapun masih terdapat 584 mangsa membabitkan 124 keluarga ditempatkan di enam pusat

pemindahan di daerah ini sehingga jam 3 petang semalam.

Antaranya membabitkan pusat pemindahan di Ladang Tuan Mee selain 408 mangsa masih menetap di pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Mahang di sini.

Di pusat pemindahan Masjid Simpang Tiga pula terdapat 29 mangsa daripada tujuh keluarga manakala terdapat 52 mangsa daripada 10 keluarga berada di pusat pemindahan Kampung Bukit Kuching di sini.

Seramai 32 mangsa daripada 13 keluarga masih berada di pusat pemindahan Kampung Bukit Cerakah dan 34 mangsa daripada sembilan keluarga di pusat pemindahan Bukit Hijau.

"Setakat ini jika paras air meningkat, mangsa tidak dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing atas faktor keselamatan.

"Jika banjir surut, kita berharap adanya bantuan pihak luar yang boleh membantu membersihkan kawasan persekitaran rumah mangsa malah kehadiran sukarelawan di kawasan pasca banjir sangat dialu alukan," katanya.

Menurutnya, setakat ini pihaknya belum menerima amaran hujan lebat daripada Jabatan Meteorologi tetapi diharapkan semua pihak bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

“JPS sedang berusaha mengepam keluar air banjir di kawasan ini ke sungai berhampiran dan setakat ini tujuh pam sedang beroperasi”

Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor



FOTO: MUHAMMAD SULAIMAN, SHARUL HAFIZ ZAM



SEORANG penduduk mengalihkan kayu yang dihanyutkan air di kawasan rumahnya.



AWAN hitam memenuhi ruang langit sekitar Sungai Petani sebelum hujan lebat.

Hujan dua jam air paras pinggang

Sungai Petani: Hujan lebat lebih dua jam di sekitar daerah ini semalam menyebabkan beberapa kawasan dilanda banjir kilat sebelum air mula surut beberapa jam selepas itu.

Antara kawasan yang terbabat adalah Kampung Air Mendidih, Taman Serindit, Taman Tiong, hadapan Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH), Taman Nuri, Taman Desa Sentosa dan kawasan tempat letak kenderaan Pasar raya C Mart.

Lebih 100 penduduk Kampung Air Mendidih, Taman Serindit dan Taman Tiong terjejas akibat banjir kilat selain lebih 40 motosikal ditenggelami air di tempat letak kenderaan pasar raya C Mart.

Hujan lebat bermula jam 2 petang itu menyebabkan air mula memenuhi kawasan rumah sebelum kawasan terbabit dilanda banjir kilat.

Penduduk Kampung Air Mendidih B Thiruselvy, 34, berkata, air naik dengan begitu cepat dan kira-kira jam 3 petang air sudahpun memenuhi kawasan kampung sebelum tidak lama kemudian air masuk ke dalam rumah separas pinggang.

Menurutnya, kejadian banjir kilat ini sudah berlaku sejak 30 tahun lalu apabila hujan lebat pasti kampung ini akan ditenggelami air.

"Tidak sampai dua minggu kampung ini sekali lagi dilanda banjir kilat dan tahun ini sahaja sudah 12 kali kejadian sama berulang.

"Pelbagai aduan dibuat namun sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil pihak bertanggungjawab," katanya.

Thiruselvy berkata, banjir kilat berlaku akibat Sungai Air Mendidih di tepi kampung ini tidak dicuci dan dipenuhi sampah serta semak samun selain parit yang ada juga tersumbat.

Seorang lagi penduduk M Vellu, 45, berkata, apa yang mereka lakukan setiap kali hujan lebat hanya mengemas pelbagai barangan di dalam rumah bagi mengelak ditenggelami air.

"Bukan kampung ini saja tenggelam setiap kali hujan tetapi Taman Serindit dan Tiong juga mengalami nasib sama sebab rumah mereka juga di tepi sungai.

"Sudah banyak aduan dibuat kepada pihak berkenaan namun tiada sebarang tindakan diambil bagi


Pekerja C Mart Siti Nor Faradzila Abdullah, 27, berkata, kawasan pasar raya itu mula dinaiki air sekitar jam 2 petang menyebabkan lebih 40 motosikal di tempat letak kenderaan di luar premis itu ditenggelami air.

Menurutnya, kawasan di luar lebih rendah menyebabkan air naik dengan mendadak sebelum turut mengalir masuk ke tempat letak kenderaan di dalam premis namun tidak seteruk di luar.

"Bagaimanapun tiada kejadian tidak diinginkan berlaku dan air mula surut beberapa jam kemudian," katanya.



PENDUDUK meredah kawasan yang dinaiki air sekitar Sungai Petani.



SEBUAH kereta melalui jalan Kawasan Perindustrian Sungai Tukang yang dinaiki air.



ANGGOTA bomba dan sukarelawan Sungai Petani memindahkan mangsa banjir setelah kawasan di Kampung Air Mendidih.

SEORANG warga emas, Lipot Yunus meredah air untuk keluar dari kawasan rumahnya disebabkan paras air masih tinggi di Kampung Seri Sentosa, Bestari Jaya.